

**Kegiatan Ekonomi Jepun di Sabah, 1950-an hingga 1980-an:  
Peranan dan Sumbangannya dalam Pembangunan Ekonomi**  
*(Japanese Economic Activities in Sabah, 1950s–1980s: Its Role  
and Contributions in Economic Development)*

MD SAFFIE ABDUL RAHIM

Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan,  
Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
saffierahim@gmail.com

**Abstrak.** Kekalahan dalam Perang Pasifik menyebabkan Jepun terpinggir dari sebarang hubungan diplomatik antarabangsa. Hanya selepas meletusnya Perang Dingin pada lewat 1940-an baharulah Jepun kembali menjalinkan hubungan ekonomi dan politik dengan Asia Tenggara. Dalam konteks Sabah, hubungan dua hala antara kedua-dua negara hanya terjalin selepas penarikan semula sekatan kemasukan orang Jepun ke Sabah pada Oktober 1955. Sejak itu, selama 30 tahun masyarakat Jepun mula berpeluang terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi dan seterusnya menyumbang dan memberi impak dalam pertumbuhan ekonomi dan pemindahan teknologi di Sabah. Keterlibatan dan sumbangan ini secara tidak langsung telah menghapuskan tanggapan umum bahawa Jepun di awal pasca perang merupakan negara dan bangsa yang berperilaku jahat dan kejam. Esei ini meneliti jenis sektor ekonomi, sumbangan dan impak yang dibawa oleh kegiatan ekonomi dan pelaburan Jepun di Sabah pada tahun 1950-an hingga 1980-an. Selain itu, makalah ini turut membincangkan cabaran dan masalah yang dihadapi dalam hubungan Sabah-Jepun. Skop perbincangan dibataskan sehingga 1980-an memandangkan dari tahun 1950-an hingga 1980-an, Sabah mula mencapai pembangunan ekonomi yang berterusan.

**Kata kunci dan frasa:** Perang Pasifik, ekonomi Sabah, orang Jepun, pemindahan teknologi, pembangunan ekonomi.

*Abstract. The defeat in the Pacific War caused Japan to lose all its diplomatic relationships with foreign countries. However, after the start of the Cold War in the late 1940s, Japan renewed its economic and political relationships with Southeast Asian countries. The bilateral relation between Japan and Sabah was re-established after the abolition of restrictions against Japanese entry into Sabah in October 1955. Since then, for 30 years the Japanese were involved in various economic activities that had an impact on Sabah's economic growth and technology transfer. These help to change the negative perceptions of the Japanese community during the early years after the Pacific War when they were perceived as wicked and vindictive. This essay shows that the Japanese*

*community had a significant role in Sabah's economic development in the 1950s until the 1980s. The essay also discusses the challenges and problems in Sabah-Japan relations. The scope of the discussion covers the period from the 1950s to the 1980s when Sabah began to achieve continuous economic development.*

**Keywords and phrases:** Pacific War, Sabah economy, Japanese, technology transfer, economic development

## Pendahuluan

Kekalahan dalam Perang Pasifik pada 1937–1945 menyebabkan Jepun terpinggir dari sebarang hubungan diplomatik. Semua rakyatnya di luar negara dihantar pulang ke Jepun dan segala aset ekonomi di Asia Tenggara sebelum perang dirampas sebagai "aset tahanan perang." Pelbagai "hukuman" dikenakan kepada Jepun termasuk menyekat pelaburan di luar negara. Hanya selepas meletusnya Perang Dingin pada lewat 1940-an baharulah Jepun kembali menjalin hubungan ekonomi dan politik dengan negara asing. Hubungan antara Jepun dan Asia Tenggara dianggap penting bukan sahaja bagi menyekat pengaruh komunisme tetapi juga untuk pembangunan semula ekonomi Jepun pasca perang.

Sabah pula menghadapi masalah pembangunan ekonomi selepas perang. Kemusnahan teruk infrastruktur, sumber modal yang terhad dan kekurangan tenaga pakar menyukarkan pembangunan semula Sabah. Sabah memerlukan pelabur asing dan sumber tenaga buruh profesional bagi pembangunan semula ekonominya. Sebagai langkah awal, kerajaan Crown Colony (CC) bertindak memansuhkan sekatan kemasukan orang Jepun ke Sabah pada Oktober 1955. Oleh itu wujud hubungan saling memerlukan antara Sabah dengan Jepun demi pembangunan ekonomi kedua-dua pihak sejak 1950-an hingga 1980-an.

Penyelidikan berkenaan penglibatan masyarakat Jepun di Sabah dalam pelbagai kegiatan ekonomi pasca perang kurang diberi perhatian. Kajian lepas cenderung membincangkan hanya perkembangan ekonomi Sabah secara umum, antaranya Ongkili (1972), Kaur (1998), Pang (1989), Walton (1990) dan Gudgeon (1981). Keseluruhannya, perbincangan mereka tertumpu kepada pembangunan kemudahan infrastruktur serta jenis-jenis sektor ekonomi yang diberi keutamaan untuk dikomersilkan. Hanya beberapa penyelidik yang menyentuh secara sepantas lalu legasi dan kegiatan ekonomi orang Jepun pasca perang seperti Leong (1982), Baker (1965), Mohammad Raduan (2010) dan Tregonning (1965). Dalam kajian Lee dan Chee (1979), Sabah menjadi destinasi pelabur Jepun kedua tertinggi bersama Selangor selepas Pulau Pinang manakala berdasarkan statistik kedatangan rakyat Jepun ke Sabah sehingga 1980-an, Jepun berada di kedudukan tertinggi berbanding masyarakat Asia Timur lain.

Esei ini membincangkan legasi ekonomi Jepun dan impaknya terhadap ekonomi Sabah dari selepas berakhirnya Perang Pasifik hingga 1980-an. Kajian ini melihat penglibatan modal dan orang Jepun dalam pelbagai sektor ekonomi termasuk pertanian, perhutanan, perlombongan, perikanan untuk dua tempoh yang berbeza iaitu antara 1950-an hingga 1963 dan dari tahun 1963 hingga 1980-an. Selain itu, masalah dan cabaran pemodal Jepun di Sabah dalam tempoh ini turut dibincangkan. Kajian ini telah merujuk kepada dokumen-dokumen yang disimpan di Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia, British National Archives, London, fail-fail jabatan dan agensi yang berkaitan selain sumber lisan.

### **Hubungan Dua Hala Jepun dan Sabah**

Selepas Perang Pasifik, hubungan dua hala antara Tanah Melayu dan Jepun saling memerlukan antara satu sama lain. Tanah Melayu memerlukan modal asing dan pemindahan teknologi bagi pembangunan ekonominya sementara Jepun memerlukan buruh murah dan pasaran demi kelangsungan ekonominya. Justeru, selepas Perang Pasifik sebahagian besar ahli kabinet Perdana Menteri Shigeru Yoshida menggesa Jepun mendapatkan bahan mentah dari Asia Tenggara. Ini menyebabkan Yoshida beranggapan konsep "*economic co-operation*" tidak dapat dielakkan (Sudo 1992). Pada tahun 1957, Perdana Menteri Nobusuke Kishi menjelaskan dasar luar Jepun yang terkandung dalam *The First White Paper on Japanese Diplomacy of 1957*. Dasar ini menitikberatkan pembangunan ekonomi "mesra" dengan negara Asia Tenggara (Sudo 1992). Pelaburan pertama Jepun di Tanah Melayu bermula seawal tahun 1957 dalam pelaburan usaha sama tekstil. Sehingga tahun 1958, terdapat 10 buah cawangan firma Jepun di Tanah Melayu. Jumlah ini meningkat kepada 40 buah syarikat pada 1960 di Tanah Melayu dan Singapura dengan anggaran modal sebanyak \$70 juta. Peningkatan ini disebabkan faktor tolakan di Jepun dan tarikan di Tanah Melayu. Di Jepun umpamanya, terdapat masalah kekurangan tenaga buruh dan kos buruh yang tinggi. Jepun juga memerlukan bekalan sumber bahan mentah dan pasaran negara-negara Asia Tenggara khususnya Malaysia bagi pembangunan ekonominya (Uqbah Iqbal, Nordin Hussin dan Ahmad Ali Seman 2014).

Hubungan ekonomi yang erat ini berterusan sehingga pembentukan Malaysia pada September 1963. Justeru, aliran kemasukan modal Jepun ke Malaysia semakin ketara selepas 1963 khususnya di bawah pemerintahan Perdana Menteri Tun Abdul Razak (1970–1976), Tun Hussein Onn (1976–1981) dan Tun Dr. Mahathir Muhammad (1981–2003) yang menekankan penglibatan golongan bumiputera dalam ekonomi. Pelabur Jepun ketika itu mula menjalinkan usahasama dengan organisasi berkaitan kerajaan seperti Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga kemajuan

Tanah Persekutuan (FELDA). Begitu juga beberapa insentif kerajaan yang menarik pelabur Jepun ke Malaysia, umpamanya pengenalan Zon-zon Perdagangan Bebas (FTZs), *Investment Incentive Act (1968)*, *Investment Tax Credit*, *Foreign Investment Guarantee*, *Pioneer Status (PS)*, *Investment Tax Credit (ITC)*, *Export Incentives (EI)*, *Hotel Incentives (HE)*, *Special Incentive for Approved Agricultural Industries*, *Increased Capital Allowance (ICA)*, *Labour Utilization and Relief (LUR)*, *Locational Incentives (LI)* (LUR dan LI kemudian digantikan dengan *Promotion of Investment Act 1986*), tarif perlindungan, kemudahan pinjaman, transaksi bayaran dan pindahan dana melalui pelbagai bank yang wujud di Malaysia. Bagi insentif bukan fiskal disediakan infrastruktur industri. Sehingga Oktober 1984 sebanyak 96 kawasan perindustrian dibuka dengan keluasan sekitar 10,884.8 ekar di seluruh negara. Polisi buruh di Malaysia turut diperbaiki melalui pengenalan undang-undang *The Employment Ordinance 1955* (dibuat pindaan pada 1976 dan 1980), *The Factories and Machinery Act 1976*, *The Workmen's Compensation Ordinance 1952* dan *The Employees Social Security Act 1969* (Jomo 1992). Hubungan ekonomi semakin terarah apabila Tun Dr. Mahathir Mohammad menjalankan hubungan diplomatik mesra dengan negara-negara Asia Timur melalui pengenalan Dasar Pandang ke Timur pada tahun 1981 (dilancarkan secara rasmi pada 1982).

Dalam konteks Sabah, pada Mac 1955 delegasi rasmi kerajaan CC diketuai Setiausaha Kewangan Sabah, A. N. Goode berkunjung ke Tokyo menghadiri persidangan ke-11 Economic Commission for Asia and the Far East (ECAFE) yang berlangsung pada 28 Mac–7 April 1955 (Denker 1990). Selepas itu Ken Ninomiya, Konsul Jepun di Singapura melawat Sabah pada Mac 1957. Semasa mesyuarat Borneo Interterritorial Conference di Kuching pada 22 Januari 1959, kerajaan Sabah diarahkan membuat kertas kerja berkaitan hala tuju dan peluang hubungan ekonomi Jepun-Sabah untuk dimajukan kepada Kedutaan British di Tokyo. Laporan ini kemudian dijadikan panduan pemodal Jepun yang ingin melabur di Sabah (FCO 141/12922). Dasar berbaik-baik Tanah Melayu dan Jepun membawa kepada penarikan semula sekatan barang import Jepun ke Sabah pada Mei 1960. Selain itu kemasukan pelaburan langsung asing Jepun tanpa melalui amalan birokrasi yang ketat juga dilaksanakan (Denker 1990). Hubungan antara Sabah dan Jepun yang saling memerlukan ini menyebabkan Ketua Menteri Sabah, Peter Lo melawat Jepun pada 9 November 1966 dan Perdana Menteri Takeo Fukuda melawat Sabah pada 12 Julai 1975 (Denker 1990).

### Kegiatan Ekonomi Jepun di Sabah Pasca Perang Pasifik

Rekod awal kegiatan Jepun di Sabah pasca perang bermula pada tahun 1952 apabila kapal *Seki Maru No. 8* terlibat dalam misi pencarian kapal *Nisshin Maru*, kapal pemburu ikan paus yang tenggelam pada Mei 1944 di perairan Pulau Balambangan. Sementara tinjauan awal delegasi Jepun berkenaan potensi pelaburan ekonomi ialah pada Februari 1955. Misi ini diketuai oleh Masao Ichikawa, Pengerusi South Sea Lumber bagi membincangkan peluang perdagangan dalam sektor pembalakan (North Borneo News Sabah Times [NBNST] 10 Feb 1955). Selain itu pada Ogos 1955, Tio Chee Hing dari syarikat Kinabalu Shipping Company (KSC) menjalin usahasama dengan Japanese Shipping Company (JSC) membina dan mengusaha kapal penumpang antara Sabah dan Singapura (NBNST 10 Feb 1955 dan 24 Ogos 1955). Bagaimanapun, semuanya hanya bersifat tinjauan awal memandangkan masih belum ada kebenaran untuk orang Jepun menjalankan kegiatan ekonomi di Sabah pasca perang.

Bagaimanapun, lawatan awal delegasi ekonomi Jepun ke Sabah pada 1955 telah mendapat tindak balas positif kerajaan British North Borneo Chartered Company (BNBCC). Pada Mac 1955, delegasi rasmi kerajaan CC diketuai Setiausaha Kewangan Sabah, A. N. Goode membuat lawatan balas ke Tokyo selain menghadiri persidangan ke-11 ECAFE yang diadakan di Tokyo pada April 1955. Sebagai tindakan awal, kerajaan CC mula memberikan insentif pelaburan dan perdagangan bagi menggalakkan pelaburan Jepun dalam kegiatan ekonomi di Sabah (Gudgeon, dalam Kitingan and Ongkili 1989; Government Gazette 1955). Pihak CC kemudiannya menarik semula secara rasmi sekatan kemasukan pelabur Jepun ke Sabah pada Oktober 1955. Langkah ini telah membuka ruang kepada Jepun kembali terlibat dalam kegiatan ekonomi tanpa melalui amalan birokrasi yang ketat. Antara sektor ekonomi yang menarik minat pemodal Jepun pasca perang ialah sektor perikanan, pertanian dan perhutanan. Bagaimanapun, hanya sektor perikanan sahaja yang menjadi legasi pemodal Jepun sehingga 1980-an melalui penglibatan beberapa pemodal berskala besar seperti Taiyo Fishing Company (TFC), North Borneo Fishing Company (NBFC) dan Kaya Pearl Company (KPC) pada awal 1960-an.

Sektor perikanan menjadi sektor ekonomi yang didominasi pemodal Jepun sejak sebelum perang sehingga Sabah merdeka. Tinjauan awal pemodal Jepun pasca perang dilakukan pada tahun 1956 oleh Nobuichi Kikuoka (Penolong Pengurus Borneo Fishing Company sebelum perang), TFC, dan Overseas Traders Limited (OTL) yang berminat melabur dalam sektor perikanan. Status permohonan Nobuichi Kikuoka dan OTL tidak jelas memandangkan tiada tindakan susulan selepas permohonan dilakukan. Permohonan TFC diluluskan dan syarikat ini mula beroperasi pada tahun 1960 (DM 1401/4). TFC mempunyai cawangan

pejabat pentadbiran di Tawau dan Jesselton. TFC dibenarkan beroperasi di seluruh perairan Sabah. Operasi TFC ditutup pada Februari 1963 setelah kilang mereka diserang 13 orang lanun pada 26 Disember 1962 mengakibatkan dua nelayannya terbunuh (Annual Report, Department of Agriculture 1963; Mohammad Raduan 2010; NBNST 12 Januari 1963). Akhbar NBNST pada 15 Februari 1956 melaporkan syarikat Japanese Uisho Fisheries Co. Ltd. berunding dengan kerajaan CC untuk melabur dalam industri perikanan (NBNST 15 Februari 1956). Status permohonan juga tidak diketahui memandangkan selepas rundingan dilakukan tidak ada tindakan susulan oleh pihak syarikat.

Penyelidikan komprehensif potensi perikanan Sabah mendapat perhatian sebuah lagi syarikat usahasama iaitu NBFC. Syarikat usahasama ini melibatkan Shigeru Ueda dan Masuo Honda (Syarikat S. Ueda & Company) dan pemodal Cina tempatan iaitu Kwan Kun Ming dan Kwan Yui Ming (Syarikat Man Woo Loong & Company, Kwan Sheung Weng Company dan Shing Kee Company). Syarikat ini beroperasi di Pulau Berhala Sandakan. Kapal *Takunan Maru* milik syarikat ini melakukan penyelidikan di perairan Sandakan pada Ogos 1956. Dua lagi kapalnya iaitu *Kagawa Maru* dan *Kagawa Maru II* diketuai Fumio Takao membuat penyelidikan di Teluk Marudu pada Mac 1961. Menyedari potensi perikanan Sabah, NBFC melabur di Sandakan dan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 1960. Kawasan operasinya ialah sekitar Teluk Marudu sehingga ke Teluk Cowie (Annual Report, Department of Agriculture 1963; DLW 3610/2; The Kinabalu Times 25 Mei 1964; Yong 1969). Pada 1962 syarikat NBFC juga terlibat dengan perusahaan penternakan mutiara melalui syarikat KPC di Pulau Bohey Dulang, Semporna (Memorandum and Articles of Association of North Borneo Fishing Company Limited 1962).

Penglibatan pemodal Jepun dalam sektor perikanan pasca perang menyebabkan jumlah hasil keluaran perikanan Sabah meningkat, jenis hasil tangkapan ikan yang pelbagai di samping pasaran eksport yang luas. Hasil keluaran syarikat TFC contohnya mengeluarkan ikan tuna *skip jack* dalam bentuk ikan kering asap, salai, daging dan *bonito* kering yang dipasarkan ke Jepun tanpa duti eksport sementara ikan dalam tin dipasarkan ke United Kingdom. Organ dalaman ikan tuna pula dimasak, dikeringkan dan dieksport ke Hong Kong sebagai bahan mentah makanan ikan. Sebahagian lagi hasil tangkapan TFC untuk bekalan sumber makanan pasaran tempatan. Keseluruhannya, TFC merupakan penyumbang terbesar hasil perikanan Sabah pasca perang. Jadual 1 menunjukkan jumlah keluaran ikan TFC dan Sabah dari 1960–1962.

**Jadual 1.** Jumlah keluaran *Taiyo Fishing Company* berbanding keluaran perikanan Sabah pada 1960–1962 (sumber: Department of Fisheries 1968, 1969; F/VI (5))

<b>Tahun</b>	<b>Taiyo Fishing Company</b>	<b>Sabah</b>
	<b>Kuantiti (Tan Metrik)</b>	<b>Kuantiti (Tan Metrik)</b>
1960	1,700	1,702.72
1961	2,075	2,220.03
1962	1,733	2,140.75

Pada tahun 1960, syarikat ini mengeluarkan 1,700 tan metrik daripada jumlah keseluruhan keluaran ikan Sabah iaitu 1,702.72 tan metrik. Keluarannya mengalami peningkatan pada 1961 sebanyak 2,075 tan metrik daripada jumlah keseluruhan iaitu 2,220.03 tan metrik. Faktor penggunaan teknologi penangkapan ikan moden menjadi sebab utama hasil keluaran TFC meningkat sejak tahun pertama (1960–1961) operasinya. Walau bagaimanapun, keluarannya merosot pada tahun 1962 disebabkan berlakunya serangan lanun di Pulau Si-Amil pada akhir tahun 1961. Serangan tersebut menyebabkan operasi syarikat terganggu sehingga menjaskan jumlah keluaran kepada hanya 1,733 tan metrik daripada jumlah keluaran ikan Sabah iaitu 2,140.75 tan metrik (Annual Report, Department of Fisheries 1968; DM/1401/4).

Sektor pertanian merupakan antara sektor penting yang dikuasai pemodal Jepun di Sabah sebelum perang. Bagaimanapun, selepas berakhirnya perang, sektor ini mula diambil alih oleh para pemodal Eropah khususnya melalui penubuhan *Colonial Development Corporation* (CDC) pada 11 Februari 1948. CDC berfungsi membangunkan sektor pertanian di negara jajahan British serta bertanggung jawab mengambil alih estet-estet milik pemodal Jepun yang dianggarkan bernilai \$6.7 juta sehingga Januari 1953. Sebanyak enam bekas ladang pemodal Jepun seperti Kuhara Tawau Rubber Estate (KTRE), Tawau Estate Limited (TEL), Tengah Nipah Estate (TNE) dan beberapa lagi mula diambil-alih oleh CDC pada Jun 1951 dengan nama *Borneo Abaca Limited* (BAL) (CO 53/47/6; Goodlet 2010). Penglibatan CDC dalam eksplorasi ekonomi memecahkan monopoli legasi pemodal Jepun dalam kegiatan pertanian.

Bagaimanapun terdapat usaha pelabur perseorangan Jepun kembali melabur dalam sektor pertanian pasca perang seperti S. Murakami dan Mitake Torii. Murakami bercadang mengusahakan 20,000 ekar ladang pertanian, manakala Torii berminat dalam penanaman padi. Bagaimanapun permohonan Torii tidak diluluskan manakala tiada penjelasan lanjut status permohonan Murakami selepas itu. Seterusnya pada tahun 1961 *Nippi Boeiki* turut berminat mengambil alih *Bakau Company Land* (BCL) bagi tujuan penanaman pisang. Begitu juga pada April 1963, Menteri Perdagangan Jepun merancang menghantar

sekumpulan pakar pertanian diketuai Dr. Kiyoshi Wada (Profesor dari Tohoku University) bagi meneroka kebarangkalian pembangunan industri gula di Tawau dan Sandakan. Malahan beberapa pemodal tempatan seperti North Borneo Sugar Industry Development Company (NBSIDC) turut berminat menjalankan usahasama dengan pemodal Jepun bagi mengusahakan ladang gula yang mampu mengeluarkan 500 tan sehari (FCO 141/12922). Bagaimanapun, maklumat usahasama dan sumbangan jumlah keluaran pemodal Jepun dalam sektor pertanian tidak dapat dijelaskan memandangkan kekangan sumber di ANS. Kesimpulannya, walaupun pemodal persendirian Jepun berminat melabur dalam sektor pertanian pasca perang namun tiada laporan lanjut dalam fail kerajaan British mahupun jabatan pertanian berkenaan perkembangannya. Hal ini menunjukkan seolah-olah sektor pertanian dimonopoli sepenuhnya oleh CDC.

Sektor perhutanan turut didominasi pemodal Jepun sejak sebelum perang. Fenomena ini berterusan selepas perang apabila beberapa pelabur Jepun berminat meneruskan legasi. Pada April 1959, 11 orang delegasi syarikat Borneo Industrial Enterprise Co. Ltd. (BIECL) dan seramai tiga orang pelabur dari syarikat Nissan Nohrin Kogyo K.K. (NNKKK) usaha sama Toyo Pulp Company (TPC) dan Itochu Corporation menyewa tanah seluas 800–1000 ekar bagi mengusahakan penanaman kayu pulpa di Sandakan dan Tawau. Rombongan ini diketuai oleh U. Hyematsu, Pengarah NNKKK di Tokyo (bekas kakitangan estet KTRE pada 1930–1945), Shiryo Kitano, Timbalan Ketua Jabatan Perhutanan di syarikat yang sama dan H. Yamasaki (Bahagian Perkayuan), Itochu Corporation. Sementara pemodal lain yang berminat dengan perusahaan kayu pulpa ialah S. Murakami (FCO 141/129922; NBNST 25 Mei 1959). Bagaimanapun, rekod kegiatan serta keluaran mereka tidak terdapat dalam laporan kerajaan atau jabatan. Ini menggambarkan seolah-olah ruang pelaburan pemodal Jepun dalam sektor pembalakan juga terhad kesan kuasa monopoli Borneo British Timber Company (BBTC).

Penglibatan pemodal Jepun dalam sektor perlombongan pasca perang pula masih tidak aktif. Rekod tunggal yang menyatakan minat Jepun mengeksplorasi sumber minyak disiarkan dalam akhbar Daily Express keluaran 24 Mei 1963. Dilaporkan usahasama pemodal Jepun dan pemodal asing lain melalui Petroleum Producers Association of Japan (PPAJ) berminat mencari gali minyak. PPAJ juga terlibat mencarigali minyak di laut antara Queensland dan Kepulauan Papua New Guinea (Daily Express 24 Mei 1963). Bagaimanapun, tidak terdapat penjelasan lanjut kemajuan carigali kendalian PPAJ mahupun dari syarikat Jepun lain dalam eksplorasi minyak Sabah.

### Masyarakat Jepun dalam Ekonomi Sabah Pasca 1963

Perjanjian kerjasama ekonomi Malaysia-Jepun pada Mei 1960 membawa kepada penarikan semula sekatan barang import Jepun. Langkah ini merancakkan lagi kedatangan pelabur Jepun ke Malaysia. Pada tahun 1968 terdapat seramai 48 pelabur Jepun di Malaysia (40 pelaburan berbentuk usaha sama dan selebihnya pelabur permulaan) dengan jumlah pelaburan mencecah ¥31.2 juta (Denker 1990; Jomo 1992). Bagi menggalakkan lagi kemasukan pelabur Jepun ke Sabah, Ketua Menteri Peter Lo melawat Jepun pada 9 November 1966 dan Perdana Menteri Takeo Fukuda melawat Sabah pada 12 Julai 1975. Lawatan lain ialah rombongan peniaga Jepun ke Tawau pada 31 Oktober 1970, rombongan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang diketuai Naka Takizawa ke Kota Kinabalu pada 13 Februari 1972, I. Araki (Pengarah Marubeni Corporation) pada 18 Mei 1977, Takawushi Miwa (Pengerusi Kawasaki Heavy Industries) pada 23 Julai 1977 dan Hiroki Sakamoto (Pengarah Eksekutif Japanese External Trade Organisation [JETRO]) pada 12 Disember 1983 (Sabah Times 10 November 1966; The Kinabalu Times 7 Julai 1970). Kesannya, pada tahun 1978, Sabah berkongsi kedudukan kedua tertinggi bersama Pulau Pinang sebagai destinasi tumpuan pelaburan Jepun dengan jumlah 47 pelabur, di belakang Selangor yang merekodkan jumlah 191. Pada tahun 1983, rekod ini merosot sedikit kepada 39 pelabur di belakang Wilayah Persekutuan (87 pelabur), Selangor (71) dan Pulau Pinang (45) (Lee and Chee 1979). Walau bagaimanapun, kedudukan Sabah sebagai tumpuan pelaburan asing tidak konsisten beberapa tahun selepas itu jika dibandingkan dengan negeri lain di Malaysia. Ini kerana kedudukan Sabah yang jauh dari pusat perindustrian dan perdagangan rantau Asia, tenaga kerja mahir yang tidak mencukupi, kos hidup yang tinggi dan kekurangan sistem pengangkutan dan perhubungan yang baik menyebabkan ramai pelabur asing beralih arah ke Pulau Pinang, Selangor dan Johor. Tambahan pula, sekitar 1974–1975 berlaku krisis minyak di Jepun sehingga memberi kesan kepada jumlah pelaburannya di seberang laut. Bagaimanapun, dasar berbaik-baik dengan negara Asia Timur khususnya di bawah pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohammad menyebabkan hubungan ekonomi Jepun-Sabah terus kukuh. Mahathir bertindak menarik balik beberapa keistimewaan pemodal Eropah seperti jabatan kerajaan yang memberi kontrak kepada syarikat British perlu mendapat kelulusan Jabatan Perdana Menteri (Denker 1990; Jomo 1992). Dasar kerajaan yang menggalakkan kemasukan pelabur Jepun ke Sabah menyebabkan statistik kemasukan pemodal Jepun terus meningkat sehingga 1980-an.

Berbanding sebelum 1963, penglibatan pelabur Jepun dalam perlombongan dianggap sangat signifikan berbanding sektor ekonomi lain. Pelabur Jepun terlibat dalam perlombongan tembaga di Mamut. Untuk tujuan ini Japanese Mitsubishi Metal Corporation (JMMC) bertindak menubuhkan Overseas Mineral Resources Development Tokyo (OMRDT) sementara Sabah memperbadankan

Mamut Copper Mining Sdn. Bhd. dengan nama Overseas Mineral Resources Development Sabah Berhad (OMRDS). Kejayaan carigali pertama pada Ogos 1966 menyebabkan termeterainya perjanjian usahasama OMRDT-OMRDSB pada 19 Februari 1973. OMRDSB mempunyai hak melombong sehingga 2003 di kawasan seluas 4,800 ekar. OMRDSB dibuka dengan rasminya pada 1975. Pada Mei 1980 kerajaan Sabah melalui SEDCO membeli 49 peratus saham OMRDSB bagi menambah keyakinan Jepun terhadap komitmen kerajaan dalam perlombongan tembaga di Mamut (Annual Report 1980, Overseas Mineral Resources Development Sabah Berhad; Mamut News Bulletin 1984). Syarikat Jepun kedua yang terlibat dengan perlombongan ialah Sabah Teiseki Oil Company (STOC) diketuai E. Nomura selaku Naib Presiden dan E. Shibano sebagai Setiausaha. Perjanjian mencarigali antara STOC dan kerajaan negeri dimeterai pada 23 Mei 1966. Konsesi carigali STOC merangkumi kawasan seluas 4,670 batu persegi (Teluk Sekong ke Pulau Berhala, Tanjung Bidadari ke Teluk Tangusu, Tanjung Labian sehingga ke kawasan Lahad Datu dan Sungai Koyah, Kinabatangan, Kalabakan, Sungai Kelumpang ke Sungai Sipit, Pulau Bum-Bum ke Batu Tinagat, Merotai, Pulau Sibatik dan Serudong). Carigali dimulakan pada Julai 1966 (Oil Prospecting Licence 1968). Namun hampir kesemua kawasan konsesi tidak berpotensi menghasilkan sumber galian (KST 11 Disember 1970). Syarikat carigali Jepun yang ketiga ialah Sabah Marine Areas Company (SMAC) diketuai Shingo Matsumura. SMAC membuat penerokaan minyak di pantai Sandakan pada 1970 (KST 11 Feb 1972). Carigali syarikat juga tidak berjaya malahan tiada rekod menjelaskan kejayaan usaha carigali mereka. Selepas kegagalan ini, aktiviti carigali minyak kemudian dimonopoli syarikat berkaitan kerajaan khususnya Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang ditubuhkan pada 17 Ogos 1974. Monopoli Petronas menyebabkan tiada maklumat permohonan baharu pelombong Jepun direkodkan sehingga 1980-an.

**Jadual 2.** Jumlah keluaran tembaga OMRDSB, dalam tan metrik (sumber: Mamut Copper Mining Annual Report, 1975–1985)

Tahun	Jumlah Keluaran
1975	21.190
1976	77.617
1977	99.992
1978	112.510
1979	104.697
1980	114.222
1981	120.327
1982	128.755
1983	123.444
1984	122.774
1985	127.871

Bagi sektor perlombongan, sumber galian berasaskan tembaga antara hasil yang memberi impak positif kepada hasil keluaran Sabah. Carigali oleh OMRDSB menjadi penyumbang besar dan hasil ketiga terbesar negeri selepas kayu balak dan petroleum. Pengeluaran pertama OMRDSB yang keseluruhannya dieksport ke Jepun dimulakan pada 1974 dengan purata keseluruhannya mampu mengeluarkan sebanyak 360 tan tembaga sehari pada 1974. Sehingga Mac 1984, jumlah nilai eksport tembaga Sabah mencapai \$100 juta setahun dan jumlah keuntungan kerajaan Sabah ialah 40 peratus. Berdasarkan Jadual 2, bermula dari 1976–1982 dan 1985, OMRDSB sentiasa memperolehi hasil keluaran yang meningkat iaitu 77.617 tan pada 1976 dan 128.755 tan pada 1982. Hanya pada 1983–1984 keluaran tembaga syarikat ini mengalami penurunan iaitu 123.444 tan pada 1983 dan 122.774 tan pada 1984. Walau bagaimanapun, jumlah keluaran OMRDSB pada 1975 sebanyak 21,190 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak \$11,300,000 serta jumlah keluaran pada 1976 iaitu 77,617 tan metrik yang bernilai \$73,500,000 masih belum mencapai sasaran syarikat. Ini kerana berlaku penyusutan nilai dolar Amerika dan juga kos pengeluaran yang melambung selain jumlah bayaran royalti kepada kerajaan negeri yang mencapai \$24 juta setahun. Bermula pada 1977 keluaran syarikat mula meningkat sebanyak 99,992 tan metrik berbanding tahun sebelumnya. Pengeluaran ini terus meningkat sehingga 1979 yang memberi keuntungan \$40 juta dan \$11.7 juta pada 1980. Kemerosotan harga tembaga di pasaran dunia sekali lagi menjelaskan keuntungan OMRDSB. Walaupun keuntungan diperolehi pada 1980, OMRDSB masih mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$85 juta (Mamut News Bulletin 1984; Annual Report, Mamut Copper Mining 1975–1985).

Sama seperti sebelum 1963, pemodal Jepun masih kekal memonopoli perusahaan perikanan di Sabah. Syarikat seperti NBFC dan KPC terus kekal beroperasi selepas 1963 selain beberapa syarikat baru milik pemodal Jepun seperti Meiko Pearls Co. (usaha sama David Kong, Edward Kong dan pemodal Jepun) di Pulau Timbun Mata, Semporna dan perusahaan persendirian milik Puan Rusiah Kalmin bersama suaminya Encik Kajiwara di Kunak (Daily Express 26 September 1985). Dalam sektor perikanan, akhbar NBNST keluaran Mei 1964 melaporkan NBFC memperolehi hasil ikan secara puratanya 50 tan sehari dan 15 tan daripada jumlah tersebut dieksport ke Jepun. Jepun kekal sebagai destinasi utama eksport udang beku NBFC dari 1968–1974. Walau bagaimanapun pada 1974, hasil keluaran syarikat ini mengalami kemerosotan. Ketidakstabilan hasil eksport udang NBFC sekali lagi dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti kos operasi yang meningkat selain ancaman pengeboman ikan yang berleluasa di Sabah ketika itu sehingga mengancam hasil tangkapan ikan (Stats/15/96/68). Dalam pengeluaran hasil mutiara, tidak banyak dokumen menjelaskan berkenaan hasil keluaran Meiko Pearls Co. dan perusahaan persendirian milik Puan Rusiah Kalmin dan suami kecuali syarikat KPC yang direkodkan mula mengeluarkan

hasil mutiaranya pada 1964 dan dieksport ke Jepun untuk diproses dan dipasarkan.

**Jadual 3.** Hasil keluaran mutiara Kaya Pearl Company pada 1964–1985 (sumber: Department of Agriculture 1964; Department of Fisheries 1967, 1970 dan 1972)

Tahun	Jumlah Keluaran
1964	25,000 biji
1965	30,000 biji
1966	35,000 biji
1967	40,000 biji
1968	td
1969	4,000 biji
1970	6,000 biji
1971	6,000 biji
1972–1986	td

\* td – tidak dinyatakan

Berdasarkan Jadual 3, bermula pada 1964–1967 jumlah keluaran mutiara KPC mengalami peningkatan iaitu dari 25,000 biji kepada 40,000 biji. Namun pada 1969–1971, kemerosotan besar hasil pengeluaran KPC berlaku iaitu 4,000 biji pada 1969 dan meningkat sedikit kepada 6,000 biji pada 1971. Malahan pada 1972–1986, jumlah keluaran mutiara KPC sudah tidak dinyatakan dalam laporan tahunan Jabatan Perikanan Sabah. Laporan Tahunan Jabatan Perikanan menyatakan kemerosotan disebabkan aktiviti pengeboman ikan sekitar Pulau Bohey Dulang. Rabbi Abtahil juga menyatakan faktor kecurian hasil mutiara yang kerap dilakukan buruh syarikat serta rakyat asing (pendatang tanpa izin) banyak menjelaskan hasil keluaran. Akibatnya bermula pada 1972 hingga 1985 jumlah pengeluaran tidak dikeluarkan dalam laporan tahunan Jabatan Perikanan (Rabhi 2014; KST 10 Jun 1971).

Selepas tahun 1963, beberapa delegasi pelabur Jepun tiba di Sabah bagi meninjau peluang pelaburan dalam sektor pembalakan. Antara kunjungan yang diterima adalah daripada lima orang ahli perniagaan Jepun diketuai Yoshio Sakamitsu pada Julai 1967; wakil dari Chubu Lumber Dealers Co-operative Association of Japan pada Mac 1974; 20 orang wakil syarikat Jepun pada Julai 1979; Yaso Tanaka, Presiden Ataka Lumber Co. Ltd pada Jun 1981; dan delegasi Japan Forestry Agency (JFA) yang diketuai Misawa pada Mac 1982 (Sabah Times 19 Mac 1982). Walau bagaimanapun perusahaan pembalakan di Sabah dimonopoli SEDCO dan beberapa anak syarikat Yayasan Sabah (YS) yang dianggarkan seluas 6,310 batu persegi atau 22 peratus keluasan negeri Sabah. Baki kawasan balak lain dikendalikan syarikat kecil yang mendapat lesen daripada kerajaan

atau usaha sama dengan syarikat milik kerajaan dan pemodal asing seperti Jepun. Berdasarkan *Laporan Yayasan Sabah: Dalam Pembangunan Sabah* pada Jun 1977, pemodal Jepun berskala besar yang terlibat dalam sektor pembalakan ialah Yuasa Trading Co. Ltd. Syarikat ini menjalin usahasama dengan Rakyat Bersatu Sdn. Bhd (anak syarikat YS) pada 13 Jun 1973 untuk menubuhkan kilang perusahaan Sinora Sdn. Bhd. Usahasama ini berasaskan pegangan saham 50:50. Perusahaannya terletak di Sandakan dan Tawau dengan modal RM12 juta. YS membekalkan kayu balak sementara Yuasa Trading Co. Ltd. menyediakan kepakaran pengeluaran, pengurusan, pasaran serta melatih sumber manusia tempatan. Kilang ini mula beroperasi pada Januari 1979 dan merupakan kilang pemprosesan kayu berskala besar pertama di Sabah. Selain berkerjasama dengan anak syarikat YS, pemodal Jepun juga bekerjasama dengan pemodal tempatan seperti Bakau Jaya Chip, Rahsna dan Ladalam.

Sektor perhutanan lain yang mendapat perhatian pemodal Jepun ialah sektor berasaskan kayu pulpa dan bakau. Pada November 1967 M. Shibusawa, Pengarah Penyelidikan Institusi Hal-Ehwal Ekonomi Asia bersama rombongan meninjau potensi industri kayu pulpa dan bakau di Sabah. Selain itu pada 1970-an, Kiyosho Tomita menjalinkan kerjasama dengan Bakau Sabah Sdn. Bhd. di Pulau Sibatik, Tawau dalam perusahaan kilang kayu bakau. Syarikat ini memperolehi konsesi seluas 122,672 ekar dan hasil keluaran dieksport sepenuhnya ke Jepun. Sehingga 1982 penglibatan pemodal Jepun dalam sektor perhutanan khususnya hasil balak gantian eksport mula berkurangan. Hal ini berlaku seiring dengan langkah kerajaan negeri yang tidak mengeluarkan lesen baharu kilang papan yang sudah mencecah 104 buah pada 1976 dan meningkat lagi kepada 196 pada 1981 (KST 13 Ogos 1976; Daily Express 26 September 1985). Bagaimanapun keseluruhannya syarikat-syarikat pemodal Jepun turut menyumbang kepada hasil keluaran balak Sabah. Syarikat Sinora Sdn. Bhd., contohnya sehingga 1985 hasil keluaran syarikat mencecah 3.6 juta keping papan lapis dan 25,000 kubik meter kayu balak. Sebanyak 70 peratus daripada keluaran papan lapis dijual di pasaran Sabah dan 30 peratus lagi dihantar ke Jepun, Semenanjung Malaysia, Hong Kong dan Sarawak manakala semua kayu balak dieksport ke Jepun. Usahasama ini dapat menghasilkan RM130 juta tukaran wang asing untuk Sabah. Syarikat usahasama Jepun yang lain turut memberi impak positif kepada keluaran hasil balak. Pada 1976 hasil balak mencecah 54 peratus daripada jumlah eksport sebanyak RM2,12 juta. Daripada jumlah tersebut, 74 peratus dikuasai Jepun. Sementara bagi syarikat usahasama pemodal Jepun dan tempatan lain, Syarikat Bakau pada 1975 merancang untuk mengeluarkan 130,000 tan balak setahun dengan tumpuan pengeluaran kepada perusahaan serpihan kayu atau "woodchip." Manakala Syarikat Jaya Chip pada 1975 pula mengeluarkan kayu bakau sebanyak 120,000 tan dan meningkat 180,000 tan pada 1976. Sementara rancangan awal pengeluaran balak Syarikat Ladalam ialah dalam lingkungan 1500 meter kubik sebulan (Report Yayasan

Sabah 1966–1985; Campbell 1986) Sekali lagi berdasarkan pelan rancangan keluaran balak syarikat usahasama ini menunjukkan sikap optimis yang tinggi tentang peningkatan keluaran dan keuntungan yang maksimum dalam kegiatan ekonomi mereka di Sabah.

Sementara itu, pelaburan pemodal Jepun dalam sektor pertanian kekal perlahan. Pelaburan usahasama pertama pemodal Jepun dan tempatan dalam sektor ini bermula pada 1964 apabila pemodal Jepun menjalinkan usahasama dengan Ngui Ah Kui Company dalam penanaman nenas dan tebu di Lahad Datu. Pelaburan lain ialah Toa Kigyo Company (Sabah) diketuai G. Nakamiya (Pengurus) dalam penanaman pisang di Lahad Datu dan usahasama Itochu Corporation. (C. Itoh & Co. Ltd.) dan Rahsna-Sabah Agricultural Development Sdn. Bhd. pada 1974 dalam perusahaan kelapa sawit selain tinjauan awal peluang perusahaan tepung kanji oleh M. Arai ke Sabah pada pertengahan 1960-an (KST 18 Jun 1970; H.G.A. Steel Report 1971). Bagaimanapun tiada rekod perkembangan usahasama ini dalam laporan Jabatan Pertanian Negeri Sabah mahupun jabatan yang berkaitan. Penguasaan agensi kerajaan seperti Sabah Land Development Board (SLDB), Sabah Rubber Fund Board (SRFB), FELDA-Sabah dan Korporasi Pembangunan Desa (KPD) yang memonopoli 56–67 peratus kegiatan pertanian di Sabah menyebabkan pelaburan Jepun dalam sektor pertanian berkurangan sementara hasil keluaran pemodal Jepun dalam sektor ini hanya berlaku selepas 1953 apabila Itochu Corporation (C. Itoh & Co. Ltd.)-Rahsna yang menjalankan usahasama dengan Sabah Agricultural Development terlibat dalam penanaman kelapa sawit pada 1977–1983. Berdasarkan pelan rancangan jumlah keluaran kelapa sawit, syarikat tersebut mensasarkan pengeluaran sebanyak 2,000 tan pada 1977, 5,000 tan pada 1980 dan 10,000 tan pada 1983 (Sabah Ports Authority 1995). Ini menunjukkan usahasama pelabur Jepun dan tempatan dalam penanaman kelapa sawit dilihat sangat optimis untuk mencapai kejayaan. Situasi ini ada hubungkaitnya dengan keyakinan kedua-dua belah pihak dari segi keupayaan pemindahan teknologi yang efisyen, kos buruh yang murah dan pasaran hasil keluaran yang luas. Ini secara tidak langsung memberi keuntungan yang maksimum kepada usahasama ini.

### **Sumbangan Jepun terhadap Pemindahan Teknologi**

Pemindahan teknologi berlaku melalui pembangunan sumber manusia (latihan kemahiran) dan dalam bentuk fizikal seperti penggunaan aset, jentera atau mesin berteknologi tinggi. Dari segi pembangunan sumber manusia, syarikat Jepun masih menggunakan buruh profesional dari Jepun dan buruh kasar dari kalangan rakyat tempatan. Kekurangan tenaga buruh tempatan profesional dan sokongan masih ketara selepas tahun 1955. Malahan, terdapat masyarakat tempatan yang minat bekerja sendiri berbanding bekerja di syarikat Jepun. Oleh sebab itu, para pemodal Jepun cenderung mendapatkan buruh asing. Pada Ogos 1960 TFC

memohon kepada kerajaan CC mengimport seramai 30 orang buruh wanita Okinawa. Laporan Pegawai Jabatan Buruh Tawau pada September 1960 menyebut terdapat 126 buruh Okinawa bekerja di TFC. Selain Okinawa, ramai buruh TFC berasal dari Aomori, Kumamoto, Kochi dan Yuwata. Laporan Pengarah Perubatan Sabah pada 1960 pula menyatakan TFC memiliki 9 buruh Jepun (Pengurusan), 198 nelayan (75 Jepun dan 123 Okinawa), kru *Ginyo-Maru* seramai 33 orang (Jepun) dan 66 buruh *Ginyo Maru* (Jepun). Kecenderungan penggunaan tenaga buruh Jepun turut berlaku dalam operasi NBFC di Sandakan. Pada peringkat awal dianggarkan 50 orang nelayan Jepun direkrut untuk bekerja di syarikat ini. Sementara laporan NBNST pada Mac 1961 menjelaskan NBFC merekrut buruh Jepun seramai 93 orang. Pesuruhjaya Buruh Sabah pada Oktober 1962 menjelaskan NBFC memiliki 30 orang buruh Jepun sementara pada 1963, seramai 34 buruh Jepun yang memegang pelbagai jawatan profesional dan 25 buruh tempatan yang bekerja di kilang perikanannya (DM 1401/17: Pearl Culture at Pulau Gaya Semporna dan DLW 3610/2: North Borneo Fishing Co. Ltd., Sandakan). Ternyata NBFC cenderung menggunakan buruh profesional Jepun berbanding buruh tempatan.

Pihak pengurusan NBFC mengakui tenaga buruh profesional Jepun sangat diperlukan pada permulaan operasi syarikatnya. Buruh profesional dari Jepun meliputi jawatan Penyelia, Pembantu Penyelia, Jurutera Stor Sejuk, Penyelia Perikanan dan Pembantu Penyelia Perikanan. Manakala buruh kolar biru NBFC yang majoritinya berasal dari Kagawa terlibat sebagai nelayan. Sebahagian besar buruh professional NBFC merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Sarjana Sains Perikanan dari universiti di Jepun dan mempunyai pengalaman luas dalam perusahaan perikanan di beberapa negara. Bagaimanapun, buruh Jepun hanya bekerja untuk tempoh dua tahun sebelum buruh terlatih tempatan mengambil alih (Yong 1969).

Kecenderungan mengambil buruh Jepun turut berlaku dalam syarikat KPC. Pada 1962 KPC bercadang merekrut 20 buruh dan anak kapal dari Jepun khusus dalam aspek teknikal mutiara dan laut. Pada Februari 1963, KPC sekali lagi memohon merekrut seramai 20 orang buruh Jepun. Sehingga Ogos 1963 Penolong Pesurujaya Buruh Sabah cawangan Tawau menjelaskan 10 orang buruh Jepun bekerja di KPC yang majoritinya berasal dari Okinawa, Kanagawa, Oyama City dan Tochigi. Dalam kes tertentu terdapat juga buruh Jepun syarikat TFC dipinjamkan kepada KPC seperti Mituru Yoza, Shigenobu Nakahara, Nobuo Nagamine, Aisaku Tamayori, Hitoshi Maekawa, Yoshimi Namahara dan Kanou Uhera (DM/1401/17: Pearl Culture at Pulau Gaya Semporna).

Dari segi pemindahan teknologi berbentuk fizikal, pemodal-pemodal Jepun banyak melakukannya selepas 1955. Hal ini ketara dalam sektor perikanan sehinggakan teknologi moden yang dibawa Jepun bermanfaat kepada perusahaan

perikanan di Sabah. Mohammad Raduan memetik laporan J. A. Tubb dalam *Fisheries Department Report 1947–1950* menjelaskan kaedah penangkapan ikan di perairan batu karang yang dibawa syarikat BFC sejak sebelum perang dianggap pemindahan teknologi yang bermanfaat dalam industri perikanan Sabah. Teknologi ini kemudian digunakan semula oleh TFC di Pulau Si-Amil. TFC menggunakan kaedah pukat tunda bagi menangkap udang dan kaedah *muro ami*, pancing, rawai dan pukat jerut bagi menangkap ikan. Kilang TFC di Pulau Si-Amil turut dilengkapi stor ais, kilang air batu, kilang memproses serta kilang pengetinan (Mohammad Raduan 2010; Tubb 1952). Menurut Mansur, kebanyakan teknologi penangkapan ikan dan peralatan kilang diimport secara langsung dari Jepun. Menariknya, banyak teknologi penangkapan ikan Jepun dipelajari nelayan tempatan (Mansur 2014, temubual).

Syarikat NBFC turut menggunakan alat penangkapan udang moden. Beberapa alat seperti pukat tunda serta kelengkapan kilang ais dan udang beku dibawa khas dari Jepun. Penggunaan alat seperti ini menyebabkan syarikat NBFC memonopoli sepenuhnya pengeluaran udang beku Sabah sehingga pasca kemerdekaan. Satu lagi pemindahan teknologi yang memberi impak positif kepada kegiatan perdagangan asing Jepun di Sabah ialah penggunaan kapal laut moden. Syarikat perikanan TFC menggunakan lima buah kapal penangkapan ikan yang moden pada awal operasinya. Begitu juga NBFC turut menggunakan kapal bersaiz besar, moden dan canggih yang dibina di Hong Kong (Mansur 2014, temubual; North Borneo Annual Report 1959).

Dalam aktiviti perdagangan antarabangsa, para pemodal Jepun turut menggunakan kapal dagang berteknologi tinggi. Laporan akhbar NBNST menyatakan buat pertama kalinya kapal dagang Jepun berlabuh di Sandakan pada Mac 1954 iaitu kapal *Kansai Maru* yang memunggah muatan kayu balak kepunyaan N.B. Trading Co. Ltd. Sehingga 1955 hingga 1962 kapal perdagangan Jepun berada di kedudukan antara empat kapal asing tertinggi menggunakan pelabuhan Sabah. Pada tahun 1955, sebanyak 57 kapal dagang Jepun singgah di pelabuhan Sabah iaitu meletakkan kapal Jepun di kedudukan keempat di belakang United Kingdom sebanyak 2,751 buah, kapal dagang Norway sebanyak 145 buah dan kapal dagang Belanda sebanyak 78 buah. Peningkatan ketara kapal Jepun menggunakan pelabuhan Sabah berlaku selepas 1955. Pada tahun 1957, Jepun mula berada di kedudukan ketiga di belakang United Kingdom iaitu sebanyak 103 buah kapal dan Norway sebanyak 156 buah. Kemudiannya pada 1959, kapal dagang Jepun kekal berada di kedudukan kedua tertinggi iaitu sebanyak 381 buah berbanding kapal dagang Britain sebanyak 2,341 buah. Seterusnya pada tahun 1961–1962, jumlah kapal Jepun yang menggunakan pelabuhan Sabah terus mengalami peningkatan. Pada tahun 1961, sebanyak 762 buah kapal Jepun menggunakan pelabuhan Sabah dan meningkat lagi pada 1962

kepada 988 buah kapal iaitu meletakkan Jepun di kedudukan kedua selepas Britain (North Borneo Annual Report 1955–1959).

Untuk pasca Sabah merdeka, Maximus J. Ongkili pernah mengatakan pada 1980 hanya 1,200 orang buruh tempatan bekerja di OMRDSB dan majoriti daripada mereka sebagai buruh kolar biru. Namun dari segi perancangan pembangunan sumber manusia, OMRDSB bercadang melatih seramai mungkin buruh profesional tempatan. Ini bertepatan dengan syarat perjanjian pada 1972 iaitu OMRDSB bersetuju menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat Sabah sama ada dalam pengurusan syarikat mahupun jawatan buruh sokongan. OMRDSB menghantar buruhnya menjalani latihan teknikal seperti kemahiran pengurusan, pentadbiran dan perdagangan berkaitan dengan industri perlombongan ke Jepun selain terdapat latihan yang diberikan oleh pakar teknikal dalam syarikat. Johnny Johnidu dan Dius Tadong antara buruh tempatan yang berpeluang mengikuti kursus kemahiran tajaan OMRDSB selama lapan minggu di Hosokura Mine dan Omiya Central Research Centre pada Ogos 1974. Pada akhir 1976 seramai lapan orang buruh tempatan OMRDSB mengikuti kursus di Jepun dan jumlahnya meningkat kepada 10 orang pada Februari 1977. OMRDSB mempunyai rancangan pengambilan buruh tempatan khusus untuk memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat Sabah sama ada di Ranau dan Kota Belud atau keseluruhan penduduk Sabah. Berdasarkan perancangan pengurusan OMRDSB, pada tahun ke-enam operasinya, syarikat ini mensasarkan buruh tempatan seramai 50 orang dalam jawatan buruh mahir, kerani dan penyelia seramai 75 orang, teknikal seramai 50 orang dan pengurusan dan profesional seramai 50 orang. Perancangan ini meningkat pada tahun ke sebelas operasi OMRDSB dan sasaran buruh mahir seramai 100 orang, kerani dan penyelia 100 orang, teknikal seramai 85 orang, dan pengurusan serta profesional seramai 85 orang (Cooper Development Agreement; Sabah Times 25 Mei 1964).

Dari aspek pemindahan teknologi fizikal, banyak syarikat mega di Sabah membawa mesin pengeluaran berteknologi moden dari Jepun. Projek lombong tembaga Mamut, hidroelektrik Tenom-Pangi serta syarikat perikanan banyak melakukan pemindahan teknologi. Peralatan penggerudian lombong OMRDSB dibawa khas dari Jepun. Teknologi Jepun yang digunakan bagi projek hidroelektrik Tenom-Pangi yang bernilai \$12 juta juga diimport khas dari Jepun. Syarikat Sinora Sdn. Bhd. turut membawa mesin berteknologi tinggi buatan Jepun bernilai RM3 juta dan menjadi kilang pertama di Sabah menggunakan mesin berteknologi tinggi dalam pemprosesan kayu. Syarikat KPC, menurut seorang respondent Rabbi Abtahil juga menggunakan teknologi khas penternakan mutiara dari Jepun (Borneo Mail 13 Jun 1996; Rabbi 2014).

Penggunaan kapal dagang moden dalam melicinkan perdagangan asing Jepun dan Sabah merupakan satu bentuk pemindahan teknologi Jepun selepas 1963. Banyak kapal dagang Jepun berlabuh di pelabuhan Sabah bagi membawa hasil

barangan eksport dan import. Sehingga tahun 1977, daripada 74 buah syarikat perkapalan utama yang menggunakan pelabuhan, 22 daripadanya merupakan syarikat perkapalan Jepun. Pada tahun 1963, kapal Jepun yang berlabuh di pelabuhan Sabah berada di kedudukan kedua tinggi iaitu sebanyak 850 buah kapal di belakang kapal United Kingdom sebanyak 2,169 buah. Jumlah tersebut meningkat kepada 1,014 buah kapal pada 1967 berbanding 1,314 kapal dari United Kingdom dan Singapura 1,139 buah. Bagaimanapun jumlah tersebut menurun sedikit kepada 900 buah pada 1977 di belakang United Kingdom sebanyak 1,600 buah dan Singapura 1,002 buah. Kemerosotan ini berlaku disebabkan pembukaan semula Terusan Suez pada 1975 di mana persaingan laluan perdagangan dan pengangkutan antara kapal Jepun dan Eropah kembali berlaku. Sentimen anti-Jepun yang meletus sekitar 1970-an di rantau ini turut menjelaskan perkembangan ekonomi Jepun di Asia Tenggara selain menjelaskan kemasukan kapal Jepun ke Sabah. Kapal dagang Jepun yang selalu berlabuh di pelabuhan Sabah terdiri daripada syarikat perkapalan Kohan Kisan Kabushi Kaisha, Daido Line, Hinode Kisen Company, Nisso S.S. Company, Kawasaki Company, Towa Kisen Company dan Tokyo Senpaku Kaisha Iino Lines. Peningkatan kemasukan kapal dagang Jepun seiring dengan peranannya sebagai pengimport kayu balak dan kopra utama Sabah ketika itu (Sabah Annual Report 1976–1977; Hanizah 2006).

### Cabar dan Masalah

Kemasukan semula pelabur Jepun ke Sabah pada 1950-an sehingga pasca merdeka tidak terlepas berhadapan pelbagai cabaran dan masalah. Paling ketara ialah sikap anti-Jepun dalam kalangan rakyat tempatan yang masih menebal. Hakikatnya pada awal 1970-an, hubungan Jepun dan Asia Tenggara termasuk Malaysia masih belum setabil (Sudo 1992). Hal yang sama berlaku di Sabah apabila masyarakat tempatan bersikap dingin terhadap orang Jepun. Hal ini menjadi cabaran kepada pelaburan langsung asing Jepun sehingga 1980-an. Menurut Mohd Samsuddin, sekitar 1957–1967 masyarakat Jepun di Malaysia mahupun Sabah masih kurang mesra dengan penduduk tempatan atas faktor pekerjaan, masalah bahasa dan penumpuan orang Jepun yang terhad di beberapa bandar sahaja (Mohd Samsuddin 1995).

Di Sabah pada era 1950-an, beberapa individu seperti pembaca yang menggelarkan dirinya *Victims* masih bersikap anti-Jepun. Beliau membantah kehadiran orang Jepun di Sabah dan menyatakan kerajaan British tidak sepatutnya membenarkan orang Jepun kembali untuk memberi penghormatan kepada askar mereka yang terkorban. Ini kerana askar mereka telah bertindak kejam terhadap orang Sabah (NBNST 7 Ogos 1956). Malah akhbar NBNST keluaran 9 Ogos 1956 melaporkan rombongan *War Grave Mission* Jepun tidak dihiraukan para pemandu teksi walaupun mereka sanggup membayar tambang

yang tinggi untuk ke kawasan perkuburan Jepun di Jalan Tuaran (NBNST 9 Ogos 1956). Wartawan Jepun yang mengikuti rombongan tersebut turut menyuarakan rasa tidak puas hati dengan kebebasan yang terhad dalam membuat laporan akibat kawalan ketat kerajaan British yang khuatir dengan keselamatan mereka (NBNST 7 Ogos 1956).

Sikap anti-Jepun dalam kalangan masyarakat tempatan juga jelas melalui ketiadaan rekod perkahwinan antara orang tempatan dengan imigran Jepun. Satu kes terpencil ialah perkahwinan yang direkodkan pada Ogos 1969 apabila Kohki Yukawa kakitangan STOC berkahwin dengan rakan sekerjanya bernama Fung Sui Jin (KST 20 Ogos 1969). Rekod kedua ialah perkahwinan antara Rusiah Kalmin dan Kajiwara di Kunak. Selain dari maklumat ini tidak terdapat maklumat terperinci berkenaan perkahwinan masyarakat tempatan dan warga Jepun. Keinginan imigran Jepun untuk tidak kekal di Sabah menyumbang kepada kurangnya perkahwinan mereka dengan orang tempatan. Setelah matlamat migrasi mereka tercapai, imigran ini akan kembali ke Jepun.

Menurut Haji Palembang @ Haji Ibrahim Abdullah yang merupakan penduduk asal Pulau Denawan yang pernah bekerja di BFC dan TFC, pola petempatan orang Jepun masih lagi cenderung menetap secara berkelompok sesama mereka tetapi dalam masa yang sama boleh bergaul dengan masyarakat setempat dalam kehidupan seharian mereka (Haji Palembang, temubual Ogos 2013). Selain itu, masyarakat Jepun pasca perang juga masih cenderung menghantar anak mereka ke sekolah aliran Jepun. Sekolah Jepun pertama di Sabah pasca merdeka ialah Japanese Supplementary School Kota Kinabalu yang ditubuhkan pada April 1981 yang kemudiannya dikenali sebagai Kinabalu Japanese School pada 1983 (JPS/PBS/COM/PSS/31). Turut ditubuhkan juga adalah beberapa persatuan sosial masyarakat Jepun. Antaranya adalah Sandakan Japan Club pada April 1969 dan Kelab Jepun Kota Kinabalu pada Mac 1979 (R.S.901/653).

Ancaman keselamatan pula merupakan antara masalah dan cabaran yang dihadapi pelabur Jepun di Sabah. Beberapa syarikat milik pemodal Jepun terpaksa ditutup akibat daripada serangan lanun. Syarikat TFC pernah diserang 13 orang lanun pada 26 Disember 1962 mengakibatkan dua nelayannya terbunuh. Begitu juga Syarikat KPC telah diserang lanun pada 1983 dan Pengurus Besarnya, H. Waki ditembak mati manakala H. Horiguchi (Pengurus) dan K. Nagamasa (Penolong Pengurus) cedera. Serangan ini menjelaskan operasi syarikat sehingga terpaksa ditutup pada 1985 (Memorandum and Articles of Association of North Borneo Fishing Company Limited).

Isu seperti di atas secara tidak langsung menjadi cabaran dan masalah terhadap pelaburan langsung Jepun sehingga 1980-an. Bagaimanapun, pelaburan Jepun dalam ekonomi Sabah sejak 1950-an sangat signifikan dari segi modal dan

pemindahan teknologi. Modal dan teknologi Jepun menyebabkan hasil keluaran setiap sektor ekonomi yang melibatkan pelaburan dari Jepun sentiasa menunjukkan peningkatan hasil keluaran. Perkembangan seperti ini tentunya memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi Sabah di masa hadapan.

### **Kesimpulan**

Penglibatan pemodal Jepun dalam pelbagai sektor utama dari 1955 hingga 1980-an ternyata telah memberi impak positif kepada pemindahan teknologi dan hasil keluaran setiap sektor ekonomi Sabah secara keseluruhan walaupun sebelum 1963 hal ini tidak banyak tercatat dalam rekod rasmi. Sungguhpun pemindahan teknologi dalam bentuk pembangunan sumber manusia tidak berlaku pada awalnya, namun setelah Sabah mencapai kemerdekaan pada tahun 1963, pembangunan sumber manusia dan pemindahan teknologi berbentuk fizikal mula berlaku seiringan. Situasi ini menyebabkan pembangunan di setiap sektor ekonomi mula berkembang secara positif. Hasil keluaran yang pelbagai selain peningkatan berterusan menyebabkan Sabah mula aktif dalam aktiviti perdagangan asing. Aktiviti perdagangan asing yang semakin rancak menyebabkan pelabuhan-pelabuhan utama Sabah mula dibangunkan bagi menampung kedatangan kapal-kapal dagang asing khususnya kapal milik Jepun. Sehingga tahun 1980-an, Jepun muncul sebagai destinasi utama dagangan eksport sektor utama Sabah.

### **Penghargaan**

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia atas pembiayaan kajian ini di bawah geran 1001/PHUMANITI/846036.

### **Bibliografi**

#### **Sumber Primer**

- CO 53/47/6: Treasurer's accounts, balance sheets.
- CO 531/47/7: Reconstruction and development: Kuhara Rubber Estate, The National Archives (UK).
- CO 531/48/3: North Borneo Agreement Chartered Co's claim war damage, The National Archives (UK).
- CO 537/1613: Borneo military administration transfer to civil government, The National Archives (UK).
- DLW 3610/2: North Borneo Fishing Co. Ltd., Sandakan (Kwan Yu Ming and Partners), Arkib Negara Malaysia.
- DM/1401/4: Fishing Enterprise Taiyo Fishery Co., Ltd, Arkib Negara Malaysia.

- DM 1401/17: Pearl Culture at Pulau Gaya Semporna, Arkib Negara Malaysia.  
 DM/1802/7: Japanese wreck *Nisshin Maru*, Arkib Negara Malaysia.  
 FCO 141/12922: Japanese economic expansion.  
*Government Gazette*, X (1955).  
 JPS/PBS/COM/PSS/31: Kinabalu Japanese School, Arkib Negara Malaysia.  
 F/VI (5): Sabah's revolution for progress: A review of progress and achievements during the First Malaysia Plan, 1966–1970, Arkib Negeri Sabah.  
 R.S.901/653: The Sandakan Japan Club.  
 Stats/15/96/68: North Borneo Fishing Sdn. Bhd., Sandakan Sabah.

### **Akhbar**

- Bananas become rotten before reaching Tokyo. *Kinabalu Sabah Times (KST)*, 18 Jun 1966.  
 Bawa teknologi moden ke sektor perindustrian. *Mamut News Bulletin: Suarita Mamut*, Bil. 7 1984.  
 Chief Minister and Dato Khoo on official visit to Japan. *Sabah Times*, 10 November 1966.  
 Dewan Negara diberitahu: Kerajaan Sabah merampas kawasan Balak. *KST*, 13 Ogos 1976.  
 Jap built ships for Borneo run? *Borneo North News Sabah Times (NBNST)*, 24 Ogos 1955.  
 Japan to plant ulpwood? *NBNST*, 25 Mei 1959.  
 Japan wants more investments in Sabah. *KST*, 7 Julai 1970.  
 Japanese company to do oil development in N.B. *Daily Express*, 24 Mei 1985.  
 Japanese forestry official on visit. *Sabah Times*, 19 Mac 1982.  
 Japanese governor to open fishing industry. *The Kinabalu Times*, 25 Mei 1964.  
 Japanese investment in Sabah, *KST*, 18 Jun 1970.  
 Konsul Jepun di Singapura melawat P. Si-Amil. *NBNST*, 12 Januari 1963.  
 Minyak: Kerajaan tandatangani perjanjian dengan sharikat luar. *KST*, 11 Disember 1970.  
 OMRDB Investment, *KST*, 8 Februari 1977.  
*Our romanised corner*: Jepun bermiaga ikan semula di BU. *BNST*, 15 Februari 1956.  
 Pearl Culture farm hit by oysters crisis. *KST*, 10 Jun 1971.  
 Pelabur Jepun melawat Sabah. *NBNST*, 10 February 1955.  
 Perkahwinan kakitangan STOC. *KST*, 20 Ogos 1969.  
 Projek sosioekonomi KPD memuaskan. *Daily Express*, 26 September 1985.  
 Reader's opinion. *NBNST*, 7 Ogos 1956.  
 Shinora thinks big: Company to undertake billion ringgit reafforestation. *Borneo Mail*, 13 Jun 1996.  
 Syarikat perlombongan Jepun di Sandakan, *KST*, 11 Februari 1972  
 War grave mission. *NBNST*, 9 Ogos 1956.  
 Japanese governor says he is ready to send skilled tech to Sabah. *Sabah Times*, 25 Mei 1964

### Laporan

- Annual Report 1967, Department of Fisheries, Sabah.
- Annual Report 1968, Department of Fisheries, Sabah.
- Annual Report 1970, Department of Fisheries, Sabah.
- Annual Report 1971, Department of Fisheries, Sabah.
- Annual Report 1963, Department of Agriculture, Sabah.
- Annual Report 1964, Department of Agriculture, Sabah.
- Annual Report 1969, Department of Agriculture, Sabah.
- Annual Report 1975–1985, Mamut Copper Mining.
- Annual Report 1980, Overseas Mineral Resources Development Sabah Berhad.
- Sabah Annual Report 76–77, Federal Department of Information, Sabah.
- Cooper Development Agreement: The government of Malaysia and the Overseas Mineral Resources Development Sabah Berhad.
- H.G.A. Steel report 1971. Land development in Sabah, Kota Kinabalu, Sabah Land Development Board.
- Memorandum and Articles of Association of North Borneo Fishing Company Limited.
- North Borneo Annual Report 1955, 1957, 1958 and 1959. Government Printing Department, North Borneo.
- Oil Prospecting Licence: The Minister of Natural Resources of The State of Sabah and Sabah Teiseki Oil Company Sendirian Berhad, 1 Julai 1968.
- Report Yayasan Sabah 1966–1985: Its role in the progress of Sabah. Yayasan Sabah.
- Sabah Ports Authority. 1995. Master Plan for Development of Sabah ports expansion of Tawau ports facilities.

### Sumber Sekunder

- Baker, M. H. 1965. *Sabah, the first ten years as a colony, 1946–1956*. Singapore: Department of History, University of Singapore.
- Campbell, B., ed. 1986. *Sabah under Harris: A collection of speeches by Datuk Harris bin Mohd Salleh as Chief Minister of Sabah 1976–1985*. Kuala Lumpur: Warisan.
- Denker, M. S. 1990. Internationalization of the Malaysian economy: Role of Japan. PhD diss., Fakulti Economi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Malaysia.
- Goodlet, K. 2010. *Tawau: The making of a tropical community*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Gudgeon, P. S. 1981. Economic development in Sabah 1881–1981. In *Commemorative history of Sabah 1881–1981*, eds. Sullivan, A. and Leong, C. Kota Kinabalu: Sabah State Government.
- Hanizah Hj. Idris. 2006. *Perdagangan pelabuhan di Borneo*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jomo, K. S. 1992. *Suria terbenam juga: Ajaran pandang ke Timur*. Kuala Lumpur: Insan.
- Kaur, A. 1998. *Economic change in East Malaysia: Sabah and Sarawak since 1850*. London: Macmillan Press Ltd.
- King, V. T. and Parnwell, M. J. G., eds. 1990. *Margins and minorities: The peripheral areas and peoples of Malaysia*. Hull: Hull University Press.

- Kitingan, J. G. and Ongkili, M. J., eds.. 1989. *Sabah: 25 years later*. Kota Kinabalu: Institute for Development Studies.
- Lee, P. P. and Chee, P. L. 1979. *The role of Japanese direct investment in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Leong, C. 1982. *Sabah: The first 100 years*. Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda.
- Mohd Samsuddin. 1995. Perhubungan awal Malaysia-Jepun 1957–1967. *Malaysia dari segi sejarah*, bil. 23.
- Mohammad Raduan Mohd. Ariff. 2010. *Dari pemungutan Tripang ke penundaan udang: Sejarah perkembangan perusahaan perikanan di Borneo Utara 1750–1990*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ongkili, M. J. 1986. Sumber alam di Sabah dan isu pengagihan dan pemilikan. Paper presented at Seminar Kebangsaan Integrasi dan Pembangunan Sabah, Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Ongkili, J. P. 1972. *Modernization in East Malaysia 1960–1970*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Pang, T. W. 1989. Economic growth and development in Sabah: 25 Years after Independence. In *Sabah 25 Years Later*, ed. Kitingan, J. G. and Ongkili, M. J. Kota Kinabalu: Institute for Development Studies.
- Sullivan, A. and Leong, C., eds. 1981. *Commemorative history of Sabah 1881–1981*. Kota Kinabalu: Sabah State Government.
- Sudo, S. 1992. *The Fukuda doctrine and ASEAN: New dimensions in Japanese foreign policy*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Tregonning, K. G. 1965. *A history of modern Sabah (North Borneo 1881–1963)*. Singapore: Penerbit Universiti Malaya.
- Tubb, J. A. 1952. Colony of North Borneo Fisheries Department report for the years 1947–1950. Unpublished report. Sandakan: n. p.
- Uqbah Iqbal, Nordin Hussin dan Ahmad Ali Seman. 2014. Sejarah perkembangan pelaburan Jepun di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 41(1): 57–93.
- Walton, J. R. 1990. The economic structure of Sabah. In *Margins and minorities: The peripheral areas and peoples of Malaysia*, ed. King, V. T. and Parnwell, M. J. G. Hull: Hull University Press.
- Yong, R. 1969. Contributions by the North Borneo Fishing Company Sendirian Berhad to the frozen prawn industry of Malaysia. *Jurnal Ministry of Commerce & Industry Malaysia* November 2(6), The Ministry of Commerce & Industry Malaysia.

### **Temubual**

- Haji Palembang @ Haji Ibrahim Abdullah, Ogos 2013.
- Mansur Abu Kassim. 2014. Kegiatan pemodal Jepun dalam sektor perikanan di Semporna, 1950-an hingga 1980-an. Julai, Semporna, Sabah.
- Rabhi Abtahil. 2014. Kegiatan pemodal jepun dalam sektor perikanan di Semporna, 1950-an hingga 1980-an. Julai, Semporna, Sabah.